

PILIHAN CALON: INGATAN MUSA

PETALING JAYA, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam menegaskan, siapa saja yang akan dicalonkan bertanding dalam Pilihanraya tidak perlu dipersalahkan kerana mereka yang dipilih akan mewakili rakyat dari semua keturunan.

Datuk Musa berkata, segala tuntutan untuk menambah kerusi bagi menghadapi Pilihanraya itu hendaklah diselesaikan dengan cara 'muzakarah' sejajar dengan prinsip jangka panjang.

Adalah difahamkan, Timbalan Perdana Menteri membuat kenyataan tersebut berikutan tuntutan yang dibuat oleh parti-parti Komponen Barisan Nasional untuk menambahkan calon masing-masing bagi mewakili rakyat dalam Pilihanraya yang diura-urakan tidak lama lagi.

Membenarkan segala permintaan mereka itu adalah satu perkara yang sukar dilakukan. Sekiranya semua pihak termasuk Pemuda dan Wanita mahukan calon-calon mereka ditambah, semuanya nanti akan jadi Ahli Parlimen, kata Datuk Musa sambil ber-

jenaka ketika merasmikan Perhimpunan Agung Luar Biasa MIC di sini hari ini.

"Saya boleh menjadi wakil masyarakat India, Datuk Samy Veitu boleh menjadi wakil masyarakat Cina dan Datuk Lee San Choon boleh menjadi wakil masyarakat Melayu, kerana kedudukan kami sebagai wakil rakyat yang bukan hanya mewakili satu-satu kaum saja," jelas Datuk Musa lagi.

Bellau menambah, dalam sesebuah masyarakat majmuk,

setiap golongan akan mengemukakan masalah masing-masing. Ini tidak dapat dinafikan.

Dalam proses ini, selanjutnya lagi, tiap golongan akan mengemukakan kelemahan dan menyatakan sektor-sektor yang mereka tertinggal. Mereka kemudian memista kepada Kerajaan.

Sekiranya hasrat mereka masih belum tercapai, golongan tersebut membuat alahan Kerajaan tidak mengambili sebarang tindakan.

Datuk Musa mengingatkan bahawa keadaan menyatakan ketidakpuasan hati ini mungkin boleh dieksploitasikan oleh pihak-pihak pembangkang yang memang tertunggu-tunggu.

Mentaliti

Datuk Musa juga berkata, apabila selesainya tempoh percapaian Dasar Ekonomi Baru nanti, golongan Bumiputera sendiri akan kurang bergantung kepada Kerajaan.

Katanya, proses ini akan dikurangkan dari setahun ke setahun.

Pada ketika itu, jelas Datuk Musa lagi, mentaliti orang-orang Melayu akan bertukar dan mereka akan kurang bergantung kepada Kerajaan.

Datuk Musa berkata, ketika Dasar Ekonomi Baru dirangka di penghujung tahun 60-an adalah untuk mengurangkan prasangka terhadap orang Melayu yang sekian lama dialami oleh mereka.

berjalan dan memberi kesan serta mula menampakkan hasrat yang dimaksudkan, masyarakat lain pula membuka mata.

Bagaimanapun, beliau yakin dengan menggunakan sahsaran-sahsaran parti politik dan timbulnya perasaan tidak puas hati itu akan membolehkan Kerajaan menyusun strategi untuk mencapai kejayaan.